

1975

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (BERNAMA)-- KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENGAMBIL ALIH SEBUAH SEKOLAH MENENGAH UGAMA DARI SETIAP NEGERI MULAI BULAN JANUARI TAHUN DEPAN DENGAN SYARAT SEKOLAH-SEKOLAH BERKENAAN DIPERSETUJUI OLEH KERAJAAN NEGERI DAN BOLEH DIMAJUKAN.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA MALAM INI RANCANGAN INI MERUPAKAN SATU LANGKAH KE HADAPAN UNTUK MENYELARASKAN PELAJARAN UGAMA ISLAM DAN BAHASA ARAB SERTA MENYESUAIKANNYA DENGAN SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN.

LANGKAT TERSEBUT JUGA BERTUJUAN MENINGGIKAN MUTU PELAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT SERTA MELUASKAN PELUANG PENUNTUT MELANJUTKAN PELAJARAN TINGGI DAN MENDAPAT PEKERJAAN.

DR. MAHATHIR TELAH MERESMIKAN PERTANDINGAN MEMBACA DAN MENTAFSIR QURAN BAGI MURID-MURID SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH KERAJAAN DI MESJID NEGARA.

KATANYA, PADA MASA LALU, PELUANG PEKERJAAN DAN MELANJUTKAN PELAJARAN TINGGI KEPADA PENUNTUT SEKOLAH TERSEBUT TERHAD KEPADA BIDANG KEUGAMAAN SEHINGGA PERKARA INI MENJADI MASAALAH SOSIAL DAN MENGHALANG EREKA MENDAPATKAN PEKERJAAN. --BERSAMBUNG 2115/1B

630:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGINGATKAN, SUNGGUHPUN SETELAH DIAMBIL ALIH SEKOLAH-SEKOLAH ITU AKAN MERUPAKAN SEBAGAI SEKOLAH MENENGAH BANTUAN KERAJAAN TETAPI IA TETAP AKAN MEMELIHARA KEPERIBADIANNYA SEBAGAI INSTITUSI PELAJARAN KHAS MENAMPUNG PELAJAR-PELAJAR YANG INGIN MENPELAJARI UGAMA DAN BAHASA ARAB DENGAN LEBIH MELUAS.

IA AKAN MENYEDIAKAN PELAJARAN UGAMA DAN BAHASA ARAB YANG LEBIH INTENSIF DALAM KURIKULUMNYA DI SAMPING TIDAK MENGABAIKAN MATAPELAJARAN-MATAPELAJARAN LAIN YANG BERGUNA DALAM KEHIDUPAN SEHARI-HARI.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, MULAI TAHUN DEPAN, KEPUJIAN MATA PELAJARAN UGAMA PADA PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA AKAN DIKIRA SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA TIGA KEPUJIAN MATAPELAJARAN YANG DIKEHENDAKKI UNTUK MEMASUKI MAKTAB PERGURUAN. -- BERNAMA 2118/1B